

Songkok Gundal Pelengkap Pakaian Kaum Adam di Negeri Pahang

Che Wan Nurmas Azura Che Wan Hasanuddin¹

Nur Haziqah Anuar¹

Saiful Farik Mat Yatin¹

Eni Sumiarsih²

Fakulti Pengurusan Maklumat¹

UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

**Jabatan Pengurusan Sumber Air, Fakulti Sains Perikanan dan Kelautan²
Universitas Riau**

ABSTRAK

Bangsa Melayu merupakan kaum majoriti yang terdapat di Malaysia. Mereka mempunyai pakaian tradisional yang tersendiri dan ianya berbeza untuk lelaki dan wanita. Pada kebiasaannya tiada warna spesifik pada mereka. Cara berpakaian bagi lelaki adalah memakai Baju Melayu iaitu baju longgar yang dipasangkan dengan sepasang seluar dan kain sarung yang lebih dikenali sebagai Sampin. Lelaki juga memakai topi tradisional untuk dipadankan dengan Baju Melayu, yang diberi nama Songkok atau Kopiah. Songkok semakin dimodenkan melalui cara pembuatannya kerana kebanyakannya telah diperbuat daripada kain baldu berwarna hitam yang telah dijahit pada lapisan kertas yang sedikit keras dan ia juga telah diserikan dengan hiasan pada bahagian tepinya dengan hiasan seperti renda, ropol, sulaman bermotif dan sebagainya. Artikel ini ditulis bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan informasi kepada masyarakat mengenai Songkok Gundal. Tentang pentingnya menjaga atau mengekalkan kesinambungan tamadun warisan terdahulu supaya tidak hilang begitu sahaja. Artikel ini berkisar tentang sejarah kaedah dan cara pembuatan Songkok Gundal yang hanya terdapat di negeri Pahang.

Kata kunci: Songkok, Pahang, Pakaian Tradisional, Tradisi Tempatan, Teknik Pembuatan.

ABSTRACT

The Malays ethnic are the majority race in Malaysia. They have their own traditional clothing, and it is different for men and women. Usually there are no specific colors on them. The way the men dress is by wearing a loose Baju Melayu paired with a pair of pants and sarong known as Sampin. Men also wear a hat to match the traditional Malay dress, named a Songkok or Kopiah. Songkok is increasingly modernized through its manufacturing method because most of it has been made of black velvet fabric which has been sewn on a slightly hard layer of paper and it has also been embellished with decorative on the side with ornaments such as lace, ropol, patterned embroidery and so on. This article is to provide knowledge and information to the public about the Songkok Gundal. About the importance of maintaining or maintaining the continuity of previous civilizations so that they do not disappear just like that. This article revolves around the history of the method of making Songkok Gundal which is only available in the state of Pahang.

Keywords: *Songkok, Pahang, Traditional Clothing, Local Tradition, Manufacturing Skills*

PENGENALAN

Songkok merupakan salah satu aksesori tradisional di kepala bagi orang Melayu terutamanya kaum lelaki dan telah ditetapkan dalam tatacara pakaian kebangsaan. Bagi masyarakat Melayu, mereka mempunyai pakaian tradisional yang tersendiri dan cara berpakaian berbeza untuk lelaki dan wanita serta mempunyai keunikan dan citarasa tersendiri seperti warna, corak, gaya dan sebagainya mengikut negeri masing-masing. Baju Melayu adalah sinonim bagi kaum lelaki di Malaysia, iaitu memakai baju lengan panjang longgar yang dipasangkan dengan seluar dan kain sarung atau lebih dikenali sebagai Sampin dan dipadankan juga dengan Songkok. Penggunaan songkok sangat popular di Malaysia. Buktinya, songkok telah dipakai secara meluas di negara Asia seperti Thailand, Singapura dan juga Indonesia. Songkok telah dianggap sebagai alat pemakaian yang rasmi bagi sesuatu acara seperti upacara keagamaan, kenduri kahwin dan tidak lupa juga pada musim perayaan terutamanya perayaan bagi Melayu-muslim. Di Kuantan Pahang, Songkok Gundal merupakan antara pilihan bagi golongan bangsawan iaitu

kerabat raja di negeri Pahang, bermula dengan Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah sewaktu beliau menjadi Tengku Mahkota Pahang dan sehingga ke hari ini. Hasil pembuatannya yang kemas dan rapi telah menjadikan Songkok Gundal bertahan sejak empat (4) dekad yang lalu sehingga ke hari ini dan telah diwarisi oleh generasi ketiga iaitu Encik Ismail Bin Haji Ahmad Gundal.

PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian adalah untuk mengetahui adakah generasi muda masih berminat untuk mengambil alih dalam penghasilan atau pembuatan songkok. Hal ini kerana, menurut Ismail (2019), pembuatan songkok kurang mendapat sambutan daripada generasi muda sehingga menyebabkan akhirnya kemahiran ini semakin dilupakan kerana tiada pewaris samada lelaki mahupun wanita yang mahu meneruskan legasi itu. Kesannya, negara kita terpaksa mengimport songkok-songkok buatan daripada negara jiran seperti negara Indonesia semata-mata untuk memenuhi permintaan pasaran negara dan akhirnya songkok itu bukan berunsurkan lambang negara kita.

Beliau menambah pemakaian songkok bagi kaum lelaki pada masa kini adalah kurang memberangsangkan. Pada kebiasaannya, mereka hanya akan memakai songkok sewaktu solat Jumaat di masjid, ketika menghadiri majlis keagamaan dan pada musim perayaan sahaja. Oleh itu, pembuatan songkok semakin berkurangan kerana jualannya merosot hanya disebabkan oleh sebilangan sahaja yang memakainya.

Seterusnya, kebanyakan songkok yang dijual di pasaran dihasilkan di kilang kerana cara dan teknik pembuatan songkok agak payah atau leceh dan memerlukan masa yang sedikit lama dan tahap kesabaran yang tinggi sewaktu menghasilkannya. Menurut beliau, songkok buatan kilang akan mudah rosak dan tidak tahan lama kerana kebanyakan songkok buatan kilang hanya menggunakan pelapik plastik sebagai bahagian dalam berbanding songkok buatan tangan yang menggunakan pelapik kertas keras yang dilapikkan dalam kuantiti yang banyak sehingga menjadi tebal dan boleh bertahan dan dipakai sehingga hampir mencecah dua tahun.

Permasalahan kajian ini juga di bincangkan dengan lebih terperinci di bahagian tinjauan literatur.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Untuk mengkaji latar belakang tokoh.
Pengkaji berpeluang untuk mengenali tokoh dengan lebih dekat lagi ketika sesi temubual dijalankan di kedainya untuk merungkai setiap persoalan dan pertanyaan yang akan diajukan kepadanya.
2. Untuk mengkaji sejarah mengenai Songkok Gundal di negeri Pahang.
Pengkaji dapat mengetahui sejarah sebenar dengan lebih tepat daripada sesi temubual yang telah dijalankan. Oleh itu, pengkaji dapat memahami asal usul atau sejarah tentang Songkok Gundal yang masih tidak diketahui ramai.
3. Untuk mengenal pasti kaedah dan cara pembuatan Songkok Gundal.
Cara pembuatan daripada hasil jahitan tangan yang halus telah membezakan Songkok Gundal dengan songkok yang berada di pasaran. Hal ini menyebabkan, Songkok Gundal mempunyai keistimewaan yang lain daripada songkok biasa.

PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah generasi kini berminat untuk mengetahui latar belakang tokoh yang membuat Songkok Gundal?
Hal ini kerana, bidang penghasilan pakaian tradisional khususnya songkok semakin dilupakan oleh masyarakat terutamanya merujuk kepada generasi muda. Kebanyakan daripada mereka hanya mengetahui nama-nama besar pereka baju dan sebagainya tetapi apabila masuk bahagian pembuatan dan penghasilan songkok mereka tidak mengenali wajah atau nama si pembuat. Hal ini kerana, kurangnya pendedahan kepada mereka dan mungkin juga terjadi apabila mereka menganggap songkok dihasilkan di kilang dan dipasarkan begitu sahaja.

2. Adakah sejarah mengenai Songkok Gundal dapat menarik minat generasi kini untuk mengetahuinya dengan lebih mendalam?

Hal ini kerana, menurut tokoh, songkok buatannya dan juga songkok yang berada di pasaran Malaysia sebenarnya telah dipengaruhi oleh negara luar iaitu negara Indonesia. Oleh itu, diharapkan dengan kajian yang dilakukan ini dapat menarik minat masyarakat terutamanya generasi muda untuk mempelajari atau mengetahui serba sedikit tentang sejarah songkok yang berkembang di Malaysia ini.

3. Apakah masalah berkenaan kaedah dan cara pembuatan Songkok Gundal yang mempunyai keunikan tersendiri berbanding songkok yang dijual dipasaran?

Bahagian ini diharapkan dapat menggali dengan lebih mendalam lagi supaya bukan sahaja dapat berkongsi ilmu dengan pembaca tentang kaedah dan cara pembuatan namun dapat mempromosi kan lagi pakaian tradisional khususnya songkok kepada orang ramai.

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kepentingan dan sumbangan kajian ini adalah untuk mengenal pasti sejarah tentang pembuatan Songkok Gundal. Hal ini kerana, Songkok Gundal hanya dibuat atau dihasilkan di negeri Pahang sahaja. Songkok Gundal boleh diangkat menjadi salah satu warisan atau lambang bagi kerajaan negeri Pahang kerana ianya menarik serta mempunyai keunikan yang tersendiri. Jika langkah promosi dijalankan secara meluas maka tidak mustahil Songkok Gundal ini dapat dipakai dan dipasarkan di seluruh negeri yang terdapat di Malaysia. Oleh itu, Songkok Gundal mungkin dapat berdiri setaraf dengan produk yang dihasilkan oleh pereka fesyen terkenal negara.

Sesetengah organisasi telah mewajibkan pekerja mereka memakai songkok ketika bekerja mahupun ketika menghadiri majlis rasmi atau majlis tertentu. Songkok melambang kan kekemasan, elegan dan sesuai dengan apa sahaja pakaian yang digunakan. Oleh itu, si pemakai akan sentiasa mematuhi setiap aspek keterampilan dan tatacara berpakaian ke pejabat.

Songkok Gundal telah memainkan peranan penting kepada masyarakat. Buktinya, masih ada segelintir generasi muda yang masih berminat dengan penghasilan Songkok Gundal ini tetapi mereka tidak tahu dimana lokasi yang dapat mengasah teknik mereka untuk mengembangkan lagi perusahaan pakaian tradisional ini. Menurut kata tokoh, jika beliau diberi peluang untuk membuat seminar atau kursus tentang cara pembuatan dan teknik penghasilan songkok kepada generasi muda, beliau akan mengajar mereka dengan bersungguh-sungguh kerana pada pendapat beliau tidak semua generasi muda berminat untuk meneruskan tradisi ini.

Songkok Gundal telah memainkan peranan penting kepada institusi negara. Buktinya, adalah menjadi pilihan utama bagi kerabat negeri Pahang yang mana setiap tahun pembantu yang bekerja dibawah Sultan Pahang akan datang melawat kedainya dan akan menempah beberapa buah songkok. Jahitan yang halus dan penuh dengan ketelitian ditambah pula dengan penggunaan bahan berkualiti telah menjadikan Songkok Gundal menjadi pilihan utama Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah sejak awal 90-an lagi. Bukan itu sahaja, Songkok Gundal ini juga dipakai oleh anakandanya, kerabat dan juga pegawai istana negeri Pahang.

TINJAUAN LITERATUR

Tinjauan literatur dilakukan untuk mengetahui bidang pemakaian tradisional iaitu songkok mengikut kronologi bagi melihat perkembangan dan trend perubahan berkaitan pemakaian songkok. Berdasarkan hasil penulisan Mohammad Faez Harith (2020), songkok merupakan salah satu pakaian tradisional yang merupakan warisan budaya di Malaysia yang perlu dijaga dan dikekalkan oleh generasi muda. Songkok dianggap sebagai pelengkap kepada pemakaian bersama Baju Melayu dan Samping.

Menurut Ramli Ismail (2007), catatan yang terdapat di Jurnal Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Perlis yang bertajuk Penggunaan Songkok, pemakaian songkok sememangnya menjadi pilihan terutamanya bagi lelaki yang beragama islam. Penggunaan songkok juga bukan sahaja dipakai di Malaysia malah ia turut menjadi pilihan di negara Asia Tenggara yang lain. Songkok memainkan peranan yang sangat penting terutamanya bagi seseorang yang perlu menghadiri majlis rasmi yang berprotokol.

Pemakaian songkok bersama Baju Melayu dan juga bersamping akan menyerlahkan lagi kekemasan diri bagi si pemakai. Kebanyakan songkok berwarna hitam pekat tetapi ada juga sesetengah songkok berwarna selain daripada warna hitam pekat. Sebagai contoh, warna merah hati. Pemakaian songkok digalakkan ketika hendak bersolat, semasa majlis berkhatan, majlis akad nikah, majlis pernikahan, berlaku kematian dan juga upacara atau majlis yang berkaitan dan bersesuaian untuk memakai songkok.

Muhammad Yusri Muzamir (2015), mengisahkan mengenai pembuat songkok yang menetap di Pulau Pinang. Menurut Haji Mohidin OSM Mohd Shariff yang merupakan seorang pembuat songkok, aksesori kepala itu sudah jarang dipakai oleh masyarakat sekarang. Pemakaian songkok pada kebiasaan akan dipakai sewaktu Solat Sunat Hari Raya dan pada majlis perkahwinan sahaja. Songkok yang dihasilkan oleh anak jati Pulau Mutiara itu juga telah mendapat perhatian dan sering ditempah oleh individu serta ahli politik di Pulau Pinang kerana kekemasan serta hasil pembuatan yang rapi menjadikan songkok buatan terkenal. Songkok yang dibuat oleh beliau juga sering mengikut citarasa pembeli seperti bahan yang digunakan dalam pembuatannya terutama sekali ialah jenis kain iaitu kain baldu dan sutera.

Nazri Abu Bakar (2016), mengisahkan tentang seorang lelaki anak jati Tangkak, Johor yang telah berusia 51 tahun iaitu Encik Idris Bin Jaafar yang tidak pernah berputus asa mendaulatkan atau mempopularkan kembali pemakaian songkok di kalangan anggota masyarakat. Encik Idris akan berjalan di kawasan atau tempat lokasi orang ramai atau pelancong sering berkumpul sambil memakai songkok setinggi 25 sentimeter buatan tangannya. Orang ramai yang melihatnya kadang kala akan berhenti dan mengajaknya untuk bergambar bersama dan ini membuatkan dia bangga dengan setiap usahanya mempopularkan pakaian tradisional iaitu songkok di kalangan masyarakat. Beliau juga berharap dengan usahanya kaum lelaki bukan hanya memakai ketika perlu sahaja tetapi memakainya secara berkala supaya ia tidak dilupakan.

Seterusnya, Khalid Latip (2016), 'Songkok tinggi Ana jadi pilihan di Sarawak' dalam Berita Harian, mengisahkan tentang seorang wanita berusia 48 tahun iaitu Pengusaha Songkok Tinggi Ana yang bernama Marina Bolhasan telah menjadikan songkok tinggi buatan tangannya sebagai pendapatan utama keluarganya dengan giat menghasilkan songkok yang hampir mencecah ketinggian hampir 8 inci sekaligus telah

membuatkan songkok buatan tangannya telah mendapat sambutan yang menggalakkan setiap kali tiba waktu perayaan. Keunikannya juga telah menjadi trend semasa yang telah berkembang di negeri Sarawak sehingga berjaya menarik perhatian generasi muda di sana.

Berdasarkan penulisan dan rakam video untuk Berita Harian Plus yang disediakan oleh Nik Sukry Ramli (2017), Songkok Gundal adalah aksesori pilihan kerabat diraja. Jahitan yang kemas dan hasil kerja yang teliti pada Songkok Gundal menjadikan ianya berbeza daripada songkok yang dijual di pasaran. Tempahan yang tidak pernah putus pada musim perayaan terutamanya telah menunjukkan bahawa songkok ini menjadi pilihan ramai. Tidak hanya pelanggan di sekitar Kuantan sahaja yang membeli songkok ini, bahkan seluruh Malaysia serta ada juga pembeli dari luar negara yang menempah Songkok Gundal. Kualiti songkok yang baik merupakan salah satu kriteria pemilihan yang akan diukur oleh pembeli. Bagi Encik Ismail, Songkok Gundal haruslah sentiasa kemas dan teliti agar mereka yang memakainya akan berasa selesa dan puas hati.

Menurut rencana yang diterbitkan oleh BERNAMA (2008), bertajuk 'Songkok Gundal jahitan tangan selesa menceritakan bahawa Encik Ismail Bin Haji Ahmad Gundal menghasilkan songkok buatan tangannya bukan sahaja dijual dan dipasarkan kepada orang ramai bahkan kepada golongan kerabat Negeri Pahang. Kebanyakan penduduk Kuantan yang menetap di sana mengenali beliau dan mereka semua mengetahui bahawa Songkok Gundal merupakan pilihan utama Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah, adindanya Tengku Abdul Rahman dan juga kerabat yang lain. Selain itu, anggota pihak istana juga akan memakai Songkok Gundal ketika mereka mempunyai upacara yang penting di istana. Songkok Gundal juga telah menjadi pilihan mereka kerana kain yang lebih selesa dan tidak panas apabila dipakai.

Berdasarkan sumber video daripada youtube yang dirakam oleh Adilla Noorazam (2018) bertajuk 'Songkok Gundal pelengkap pakaian di Hari Raya', menceritakan mengenai pengusaha songkok tertua di Pahang. Menurut wawancara video tersebut, Songkok Gundal telah diwarisi oleh generasi ketiga iaitu Encik Ismail dan nama Gundal telah digunakan sejak tahun 2007 sempena nama arwah ayahnya iaitu Ahmad Gundal yang telah mewarisi seni pembuatan songkok bapanya yang berhijrah dari Sumatera ke Pahang. Penelitian pada setiap proses pembuatan Songkok Gundal menjadikannya

pilihan ramai orang yang terutamanya mereka yang mementingkan keselesaan dan ketelitian pada songkok tersebut.

Mohamad Azim Fitri Abd Aiziz (2019), telah menulis di Berita Harian Online mengenai Songkok Gundal yang telah menjadi pilihan Al-Sultan Abdullah sejak lebih 20 tahun. Di dalam penulisan beliau juga telah menyatakan bahawa kemahiran yang dimiliki oleh Encik Ismail iaitu generasi ketiga dalam pembuatan Songkok Gundal ini telah mendapat permintaan yang berterusan dan tidak putus dari golongan kerabat Diraja Pahang serta warga Kuantan. Hal ini kerana, ketelitian dan kehalusan dalam pembuatan songkok yang diperbuat sepenuhnya secara tradisional di kedai beliau yang terletak di Bandar Kuantan telah menarik minat pembelinya. Sehingga ke hari ini, Encik Ismail masih lagi aktif bahkan setiap enam hari seminggu bekerja membuat songkok di kedainya.

Ismail Ali (2019), menceritakan serba sedikit tentang pengalaman si pembuat songkok iaitu Haji Abdul Wahab Abdullah yang telah mengusahakan kedai aksesori pakaian tradisional dan moden di tingkat bawah Tanjong Katong Complex bersama isterinya. Sudah berpengalaman selama hampir 37 tahun dalam pembuatan songkok menyebabkan kadang kala hatinya sedikit terkilau kerana kemahiran dan pembuatan ini semakin hari semakin dilupakan oleh masyarakat terutamanya generasi muda. Beliau berharap akan ada satu masa pakaian tradisional ini akan diangkat semula dan kembali menjadi popular. Oleh itu, setiap kali pelanggan menjejakkan kaki di kedainya, segala tips atau langkah-langkah penjagaan songkok akan dikongsikan kepada pelanggan supaya songkok tersebut dapat bertahan lama.

Menurut Norazwani Yusof (2020), 'Perniagaan songkok turut terjejas' yang dipetik daripada Sinar Harian Online telah menceritakan mengenai pendapatan pengusaha songkok telah terjejas semenjak pandemik Covid-19 melanda dunia pada akhir tahun 2019. Justeru itu, peniaga songkok telah mendapat kurang sambutan daripada kebiasaan terutama sekali pada musim hari raya. Berbeza pula dengan artikel yang ditulis oleh Amran Yahya (2016), mengenai 'Songkok ikut daerah'. Berdasarkan temubualnya bersama Pengusaha Sinar Songkok Melayu, Mohd Fahirurazi Yahya menceritakan songkok yang dihasilkan beliau kebanyakannya mengikut daerah yang terdapat di Johor. Setiap daerah didatangkan ciri-ciri khas pada songkok tersebut seperti warna dan rekaan coraknya. Songkok yang dihasilkan beliau kebanyakannya tidak menggunakan bahan

asas yang terdapat pada kebiasaan songkok seperti kain baldu, tetapi beliau telah mengubahnya menggunakan kain berwarna yang dapat melambangkan perbezaan daerah di negeri Johor. Baginya, walaupun songkok hanya dipakai pada hari tertentu dan jualanya mengikut musim, tetapi keunikan yang dihasilkan beliau tetap menarik pembeli termasuk pembeli dari luar negara.

METODOLOGI

Metodologi kajian akan menerangkan kaedah yang digunakan dalam penyelidikan untuk mengumpul kesemua maklumat supaya dapat mengumpul data yang akan digunakan oleh penyelidik ketika menyelesaikan tugas. Kaedah kajian yang digunakan adalah mengaplikasikan kaedah atau cara melalui pengumpulan maklumat atau data. Kaedah atau cara ini membolehkan pengkaji untuk memproses maklumat yang mereka perolehi untuk membentuk maklumat yang lengkap.

Selain itu, kaedah yang digunakan dalam penyelidikan adalah kaedah perpustakaan. Sebagai contoh, jenis bahan yang dirujuk oleh penyelidik adalah seperti artikel, surat khabar, video dan juga bahan ilmiah melalui internet. Bahan-bahan ini sangat penting kerana ia akan membantu penyelidik untuk melakukan artikel dan juga dapat menambah ilmu pengetahuan menerusi kajian yang dilakukan.

Seterusnya, kaedah temubual. Kaedah ini merupakan kaedah yang sangat penting bagi pengkaji kerana akan memperoleh data, informasi dan juga dapat menjawab setiap persoalan kajian serta sangat membantu pengkaji untuk memperoleh sebanyak mana maklumat yang diperlukan.

Akhir sekali, kaedah melawat ke tempat tokoh. Kaedah ini juga telah membantu pengkaji untuk mendapatkan gambar-gambar yang diperlukan dalam menyempurnakan kajian. Gambar yang diperolehi akan menjadi bukti bagi kajian yang diadakan. Oleh itu, artikel yang akan dihasilkan oleh penyelidik akan lebih menarik dibaca oleh orang ramai apabila ilustrasi gambar turut diselitkan.

HASIL KAJIAN

Songkok Gundal pelengkap pakaian kaum Adam di Negeri Pahang. Itulah yang menggambarkan perkataan yang sesuai dengan kajian yang dilakukan. Hal ini kerana, penggunaan Songkok Gundal di kalangan kaum lelaki di negeri Pahang telah mendapat sambutan yang sangat menggalak kerana seperti yang telah diberitahu oleh tokoh sendiri ketika sesi temubual dijalankan bahawa songkok buatannya telah menjadi pilihan utama rakyat dan pemerintah Negeri Pahang kerana mempunyai keistimewaannya yang tersendiri.

Sejarah Songkok Gundal di Negeri Pahang

Sebut sahaja tentang Songkok Gundal, rata-rata masyarakat yang tinggi di negeri Pahang akan mengetahui tentang kewujudannya. Masyarakat Pahang kebiasaannya akan memanggil Songkok Gundal ini dengan panggilan 'Songkok Kerabat'. Hal ini kerana, Songkok Gundal ini dipakai sama oleh rakyat dan juga pemerintah negeri Pahang. Menurut tokoh, nama kedai songkok keluarga mereka ditukarkan nama kepada Songkok Gundal berdasarkan sempena nama Allahyarham bapa tokoh iaitu Ahmad Gundal Bin Md Chontor. Nama ini diambil kerana tokoh sangat menghargai segala titik peluh Allahyarham bapanya yang tidak berputus asa menjadi tenaga pengajarnya sehingga beliau berjaya meletakkan perniagaan ini sebagai salah satu sumber utama pendapatan keluarganya.

Proses-proses penghasilan Songkok Gundal

Menerusi hasil kajian yang diperoleh, proses menghasilkan sebiji songkok memerlukan enam (6) proses yang penting iaitu proses mencatu, proses mengkarung, proses menggunting, proses mencantum, proses memasang baldu dan proses menebuk lubang (proses tambahan).

1. Proses mencatu adalah proses memasang kain perca dengan kain satin. Ia dilakukan bagi mendapatkan atau menghasilkan bahagian dalam songkok.
2. Proses mengkarung. Mengkarung adalah nama lain bagi mengukur. Proses ini sangat penting kerana ia perlu mengukur saiz dan menjahit bahagian garisan tepi songkok. Jahitan akan dilakukan secara berulang-ulang supaya ia kelihatan kemas dan tebal.

3. Proses menggunting. Proses ini melibatkan dua bahagian penting iaitu bahagian badan dan bahagian kepala.
4. Proses mencantum. Proses ini adalah mencantumkan bahagian kepala dan juga bahagian badan itu untuk menjadikan sebuah songkok.
5. Proses memasang baldu. Proses ini adalah memasang baldu di keseluruhan songkok.
6. Proses menebuk lubang (proses tambahan). Proses ini hanya dilakukan jika mendapat permintaan daripada pelanggan untuk menebuk lubang pada bahagian atap songkok mereka. Fungsi menebuk lubang pada atas songkok adalah untuk si pemakai tidak rimas dan udara panas tidak terperangkap atau berkuap di kawasan kepala.

Proses yang telah di senaraikan ini telah diakui oleh tokoh sendiri iaitu Encik Ismail Bin Haji Ahmad Gundal. Beliau sempat juga berkongsi bahawa proses yang paling rumit sekali dan perlu mengambil sedikit masa untuk menghasilkannya adalah proses menggunting dan juga proses mencantum. Proses ini memerlukan penelitian yang penuh olehnya dan jika tersalah buat maka ia akan merugikan kain dan juga masa. Beliau juga menambah bahawa proses mencantum dan mengkarung boleh dilakukan oleh lima anak saudaranya sekaligus meringankan tugasnya.



Gambar 1: Proses menebuk lubang.

Keunikan yang terdapat pada sebiji Songkok Gundal.

Songkok Gundal dikenali oleh masyarakat negeri Pahang disebabkan oleh jahitan yang sangat kemas dan tebal. Menurut tokoh, beliau dan juga dagangan mereka. Sebiji songkok akan menerima jahitan tangan dan juga jahitan mesin. Beliau juga memberitahu kepada pengkaji bahawa songkok buatan mereka menggunakan kertas lapik yang sedikit tebal manakala songkok yang berada di pasaran biasanya hanya menggunakan plastik sebagai lapik dalam songkok. Lapik yang tebal akan menyebabkan songkok tahan lama dan boleh digunakan selama hampir dua tahun manakala songkok yang menggunakan lapik plastik akan mudah renyuk dan kemek kerana tidak tahan lama. Tokoh juga memberitahu kepada pengkaji bahawa setelah songkok sudah hampir 99% siap ia akan memberi songkok tersebut kepada isterinya iaitu Norizan Mamat untuk menyiapkan proses jahitan akhir iaitu diakhiri dengan jahitan lilit ubi pada bahagian bawah songkok.



Gambar 2: Jahitan yang kemas terdapat di bahagian dalam Songkok Gundal.

Harga pasaran Songkok Gundal.

Selain itu, menerusi hasil kajian yang diperoleh, Songkok Gundal dijual dengan harga pasaran bermula daripada RM 29.00 sehingga mencecah hampir RM 200.00. Harga ini semuanya bergantung kepada jenis baldu yang digunakan atau dipilih oleh pelanggan. Beliau menggunakan jenis baldu 'crown'. Jenis baldu ini merupakan baldu yang paling mahal dijual. Baldu jenis *crown* merupakan pilihan utama kerabat Diraja

Negeri Pahang. Buktinya, masyarakat tempatan mengenali tempatan mengenali tokoh dengan panggilan 'Si Pembuat Songkok Kerabat'. Hal ini kerana, Songkok Gundal menjadi pilihan utama Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah sejak awal 90-an lagi. Bukan itu sahaja, Songkok Gundal ini juga dipakai oleh anakandanya, kerabat dan juga pegawai istana negeri Pahang. Menurut tokoh, baginda lebih gemar memakai songkok rata berbanding songkok gunung. Oleh itu, setiap kali pegawai istana baginda datang ke kedainya, beliau sudah tahu hajat mereka dan ukuran kepala baginda juga sudah dicatat di dalam buku notanya dan hanya akan ditambah baik jika saiz semakin bertambah atau sebaliknya. Selain daripada itu, tokoh juga menerima pelanggan daripada beberapa buah negara luar iaitu Singapura, Mesir, Scotland dan New Zealand. Penghantaran pos akan dilakukan dan harganya akan mengikut tempahan jenis songkok, bilangan songkok dan juga kos penghantaran.



Gambar 3: Tokoh bersama Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. (Gambar ini diperolehi daripada ikhsan tokoh)

JENIS BALDU	KETINGGIAN	SAIZ	HARGA
CROWN	4 ½ INCI (G)	SEMUA SAIZ	RM 210.00
CROWN (BESAR)	4 INCI (G)	23 KE ATAS	RM 210.00
CROWN	4 INCI (G)	23 KE BAWAH	RM 199.00
CROWN	3 ¼ INCI (R)	SEMUA SAIZ	RM 180.00
BM 1000	4 ½ INCI (G)	SEMUA SAIZ	RM 125.00
BM 1000 (BESAR)	4 INCI (G)	23 KE ATAS	RM 105.00
BM1000	4 INCI (G)	23 KE BAWAH	RM 95.00
BM1000	3 ¼ INCI (R)	SEMUA SAIZ	RM 85.00
NT	4 ½ INCI (G)	SEMUA SAIZ	RM 75.00
NT (BESAR)	4 INCI (G)	23 KE ATAS	RM 69.00
NT	4 INCI (G)	23 KE BAWAH	RM 59.00
NST (BESAR)	3 ¼ INCI (R)	23 KE ATAS	RM 59.00
NST	3 ¼ INCI (R)	23 KE BAWAH	RM 39.00
BUDAK (NT)	3 ¼ INCI (G)	20 ¼ KE BAWAH	RM 49.00
BUDAK (BM 1000)	3 ¼ INCI (G)	20 ¼ KE BAWAH	RM 79.00
BUDAK (CROWN)	3 ¼ INCI (G)	20 ¼ KE BAWAH	RM 179.00
BUDAK (R)	3 ¼ INCI (R)	20 ¼ KE BAWAH	RM 29.00
BUDAK (R)	3 INCI (R)	19 KE BAWAH	RM 29.00

Jadual 1: Senarai harga jualan Songkok Gundal.

Kaedah atau tips penjagaan Songkok Gundal.

Seterusnya, menerusi hasil kajian yang diperolehi, tokoh telah memberi *tips* penjagaan Songkok Gundal supaya kekal lama dan boleh dipakai sehingga hampir dua (2) tahun. Semasa sesi temubual dijalankan, beliau sempat berpesan kepada pengkaji bahawa songkok akan tahan lama jika si pemakai cermat dalam menyimpannya. Kotak yang bersih boleh digunakan untuk menyimpan songkok daripada membiarkan sahaja songkok itu terkena debu. Beliau menasihati supaya si pemakai tidak menyimpan songkok didalam kereta tanpa memasukkan ia ke dalam kotak kerana ia bukan sahaja akan rosak malah baldu songkok akan mudah pudar kerana terdedah dengan cahaya matahari kerana terkena pancaran secara terus. Selain daripada itu, songkok juga perlu diberus permukaannya secara perlahan ketika membersihkan habuk dan debu supaya permukaan baldu tidak terkoyak. Memberus akan dapat membuang habuk di permukaan songkok sekiranya songkok itu tidak disimpan di dalam kotak. Akhir sekali, tokoh juga sempat mengingatkan si pemakai supaya tidak menyentuh permukaan songkok dengan jari yang kotor ketika sedang makan kerana ia akan menyebabkan sisa makanan akan melekat di permukaan songkok dan ini akan menarik perhatian serangga. Sebagai contoh, apabila serangga ini tertarik dengan sisa makanan yang melekat pada permukaan songkok itu maka akan menyebabkan baldu sedikit demi sedikit akan terhakis dan

bertukar menjadi buruk dan akhirnya akan rosak. Oleh itu, si pemakai harus mengutamakan *tips* penjagaan songkok agar dapat digunakan dalam jangka masa yang lama.



Gambar 4: Bersama tokoh yang dikaji.



Gambar 5: Tokoh bersama pekerja di bengkel.

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil temubual yang telah dijalankan, penyelidik mendapati pelbagai pengetahuan dan pengalaman yang baharu daripada aspek subjek sejarah lisan. Sejarah lisan adalah penting untuk dipelajari supaya generasi pada masa akan datang dapat mengetahui tentang sejarah warisan tradisional. Pengalaman menemubual tokoh telah memberi pencerahan dan pengetahuan yang lebih mendalam terutamanya dalam bidang penghasilan Songkok Gundal yang merupakan satu warisan yang perlu dijaga kerana songkok merupakan pakaian tradisi bagi lelaki islam dan beragama islam.

Oleh itu, semua pihak perlu bertanggung jawab dalam mengenali, mempelajari, mewarisi, memperkenalkan setiap budaya yang berada di Malaysia. Sebagai contoh, setiap rakyat perlu memahami satu budaya itu dan diketengahkan kepada orang ramai supaya generasi muda khususnya tidak melupakan warisan budaya itu. Selain itu, sistem pendidikan juga sangat penting dalam memastikan pelajar-pelajar di sekolah diterapkan dengan sifat menghargai warisan seni budaya. Melalui ini kita dapat mengekalkan kesinambungan tamadun warisan terdahulu supaya tidak hilang begitu sahaja.

RUJUKAN

- Adilla Noorazam. (2018, June 08). AWANI State [Pahang]: Songkok Gundal pelengkap pakaian di Hari Raya. Retrieved January 11, 2021, from <https://www.youtube.com/watch?v=7vyxg0ELmxE>
- Amran Yahya. (2018, February 15). Songkok ikut daerah. Retrieved January 11, 2021, from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2016/07/151591/songkok-ikut-daerah>
- BERNAMA. (2018, June 08). 'Songkok Gundal' jahitan tangan selesa. Retrieved February 04, 2021, from <https://www.mynewshub.tv/utama-sensasi/songkok-gundal-jahitan-tangan-selesa/>
- Ismail Ali. (2019, January 21). Dilema pembuat songkok terakhir, Berita Setempat. Retrieved January 16, 2021, from <https://www.beritaharian.sg/setempat/dilema-pembuat-songkok-terakhir>
- Ismail Ramli. (2007). Penggunaan songkok. *Jurnal Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Perlis*, 32-34. Retrieved February 4, 2021, from https://myrepositori.pnm.gov.my/bitstream/123456789/1320/1/JWIK_2007_Bil19_11.pdf

- Khalid Latip. (2016, June 24). Songkok tinggi Ana jadi pilihan di Sarawak. Retrieved January 16, 2021, from <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/06/168043/songkok-tinggi-ana-jadi-pilihan-di-sarawak>
- Mohamad Azim Fitri Abd Aziz. (2019, January 31). Songkok Gundal pilihan Al-Sultan Abdullah lebih 20 tahun. Retrieved November 09, 2020, from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/01/526163/songkok-gundal-pilihan-al-sultan-abdullah-lebih-20-tahun>
- Mohamad Faez Harith. (2020, September 28). Asal Usul Songkok. Retrieved November 09, 2020, from <https://www.thepatriots.asia/asal-usul-songkok/>
- Muhammad Yusri Muzamir. (2015, July 02). Pembuatan songkok ikut cita rasa pembeli. Retrieved January 11, 2021, from <https://www.bharian.com.my/node/65313>
- Nazri Abu Bakar (2016, April 09). Songkok tinggi jadi promosi budaya Melayu. Retrieved January 16, 2021, from <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/04/142266/songkok-tinggi-jadi-promosi-budaya-melayu>
- Nik Sukry Ramli (2017, November 15). Songkok Gundal aksesori pilihan kerabat diraja. Retrieved January 11, 2021, from <https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2017/11/351212/songkok-gundal-aksesori-pilihan-kerabat-diraja>
- Norazni Yusof. (2020, May 07). Peniaga songkok turut terjejas. Retrieved January 17, 2021, from <https://www.sinarharian.com.my/article/82224/EDISI/Pahang/Peniaga-songkok-turut-terjejas>